

03/03/2001

Pak Lah nasihat usah kempen

BANGI, Jumaat - Ahli Umno yang menawarkan diri bertanding jawatan dalam pemilihan bahagian April, diingatkan supaya tidak berkempen kerana tindakan itu menyalahi etika pemilihan.

Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, ketika mengulangi peringatan itu berkata, ahli yang menawarkan diri sepatutnya sudah dikenali ahli kerana memberi sumbangan mereka kepada parti.

"Kita boleh andaikan ahli yang menawarkan diri sudah lama dikenali dan banyak berjasa kepada Umno, dan itu sudah cukup bagi membolehkan ahli mengenali kepemimpinannya.

"Kalau ketua bahagian dan ahli jawatankuasa sudah tentu dikenali, manakala ahli dari luar yang tidak pernah berjasa, tetapi tiba-tiba hendak berkempen untuk bertanding, mungkin boleh menyebabkan kalam kabut," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Pertandingan Menulis Esei dan Kuiz Pelaburan Peringkat Kebangsaan, di sini hari ini.

Pertandingan menulis dan kuiz yang dianjurkan Permodalan Nasional Berhad (PNB) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan itu adalah sempena Minggu Amanah Saham 2001, yang akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kota Bharu, Kelantan, 20 April depan.

Abdullah yang juga Timbalan Perdana Menteri mengulas laporan mengenai tindakan ahli yang ingin bertanding dalam pemilihan bahagian mengadakan majlis makan untuk ahli cawangan.

Mengenai larangan kempen menggunakan media, beliau berkata parti akan mengetahui siapa yang melanggar larangan tata etika sekiranya mereka membuat kenyataan.

"Tindakan menggunakan media boleh merosakkan parti kerana ahli akan membuat pelbagai tuduhan dan ini boleh menjejaskan pemimpin parti di mata rakyat," katanya.

Serentak itu, Abdullah meminta ahli Umno membuat pemantauan dan melaporkan kepada ibu pejabat bagi membolehkan Lembaga Disiplin parti mengambil tindakan terhadap individu terbabit.

"Mereka (ahli) yang tidak suka lihat kempen yang tidak sihat kepada parti dan ahli boleh membuat laporan. Kalau tidak ada laporan, kita sukar mengambil tindakan," katanya.

Beliau berkata, semua ahli perlu mematuhi tata etika yang sudah diedarkan oleh ibu pejabat Umno ke bahagian dan cawangan bagi memastikan mesyuarat dan persidangan berjalan lancar.

Pemilihan cawangan Umno bermula semalam sehingga akhir bulan ini manakala bahagian pula bermula April depan.

(END)